



UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

**MAJLIS PELUNCURAN KAMPUNG ANGKAT MADANI
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI (IDFR)
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

6 DISEMBER 2025

Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri telah menganjurkan Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI di Kompleks Sukan Kampung Sawah Raja, Kota, Rembau hari ini. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Luar Negeri.

Projek Kampung Angkat MADANI IDFR di Kampung Sawah Raja telah dilaksanakan dari Jun hingga Disember 2025 sebagai salah satu inisiatif kerajaan bagi menyokong pembangunan komuniti luar bandar melalui pendekatan menyeluruh yang berpaksikan kesejahteraan rakyat. Sepanjang pelaksanaan projek, pelbagai inisiatif telah digerakkan termasuk penambahbaikan kemudahan asas, pemerkasaan kesejahteraan sosial, serta sokongan kepada pembangunan ekonomi dan komuniti setempat.

Majlis peluncuran ini turut menjadi simbolik penyerahan pelaksanaan projek kepada komuniti setempat, sekali gus menzahirkan komitmen berterusan kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat desa. Pelaksanaan projek ini juga telah mendapat kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Rembau serta JKR Rembau.

Seramai lebih 500 orang tetamu telah hadir, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chembong, Pegawai Daerah Rembau, ketua-ketua jabatan daerah, serta penduduk Kampung Sawah Raja dan kampung-kampung sekitar. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah Jualan Rahmah MADANI, Kenduri Rakyat, Saringan Kesihatan, Pameran Kraftangan, Kaunter Perkhidmatan PTPTN, Kaunter Bergerak Kutipan Luar Cukai Tanah, Perkhidmatan Gunting Rambut, Urut Kaki dan Tukar Minyak Hitam Percuma. Turut dianjurkan Pertandingan Menghias *Cupcake*, Pertandingan Peragaan Pakaian Beragam Tradisional, Acara Sukaneka Kanak-kanak, dan Perlawanan Persahabatan

Futsal dan Ping Pong antara pasukan IDFR dan Penduduk Kampung Sawah Raja.

Inisiatif Kampung Angkat MADANI ini telah dilaksanakan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan sosial dalam mengangkat taraf kehidupan komuniti luar bandar. Melalui kolaborasi erat antara agensi kerajaan dan masyarakat setempat, projek ini dijangka dapat memberi manfaat berimpak tinggi dalam jangka masa panjang kepada penduduk Kampung Sawah Raja.

REMBAU, NEGERI SEMBILAN
6 DISEMBER 2025